

**PROGRAM LINTAS BITARA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

<b>Nama</b>	<b>LINTAS BITARA</b> (calon ditawarkan ke Program Sarjana dan kemudian dinaik taraf ke Program Doktor Falsafah setelah lulus penilaian yang ditetapkan)
<b>Syarat UPSI</b>	<p>i. Calon mestilah terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) graduan tempatan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dalam bidang yang berkaitan dari Universiti Awam (UA); atau</li><li>b) graduan antarabangsa Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dalam bidang yang berkaitan dari UPSI. [Senat Kali Ke-179 Bil.6/2019 bertarikh 18 Jun 2019]</li></ul> <p>ii. Diperakukan proposal penyelidikan bagi calon dalam tempoh percubaan satu (1) tahun mengikuti Program Sarjana dan membentangkan proposal tersebut untuk menaik taraf status pengajian ke peringkat Doktor Falsafah.</p> <p>iii. Proposal lulus dan dinilai oleh penilai dari dalam dan luar Jabatan/Fakulti/Universiti. Penilai Luar yang dilantik hendaklah sekurang-kurangnya bertaraf Profesor. [Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016 bertarikh 19 Julai 2016] [Senat Kali Ke-179 Bil.6/2019 bertarikh 18 Jun 2019]</p> <p><i>*Nota: Fakulti boleh melantik pensyarah dari universiti luar untuk menjadi penilai bagi pakar bidang. Kadar bayaran penilai luar tersebut adalah mengikut kadar bayaran saguhati kepada pemeriksa luar bagi program pengajian siswazah kurang daripada 10 orang iaitu RM300.00 (JKTK 7/2/2004 dan 8/3/2005)</i></p>
<b>Yuran</b>	Pelajar akan dikenakan kadar yuran pengajian Program Sarjana sehingga dinaik taraf ke Program Doktor Falsafah. Kadar yuran pengajian Doktor Falsafah akan dikenakan selepas pelajar mengikuti program Doktor Falsafah. [MPE Kali Ke-17/2014 bertarikh 18 Julai 2014]

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PROGRAM LINTAS BITARA UPSI**

	<b>CALON PELAJAR</b>	<b>PELAJAR SEDIA ADA</b>
1.	IPS menerima permohonan mengikuti Program Pengajian Siswazah berserta surat permohonan mengikuti Program Lintas Bitara daripada calon pelajar.	Sekiranya penyelia mendapati pelajar Ijazah Sarjana di bawah seliaannya (berada dalam semester pertama) berpotensi untuk dinaik taraf ke Program Doktor Falsafah dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Senat untuk mengikuti Program Lintas Bitara, penyelia perlu membuat surat sokongan dan dilampirkan cadangan penyelidikan pelajar kepada Dekan Fakulti untuk dinilai dan diperakui.
2.	IPS memajukan permohonan calon pelajar kepada Fakulti untuk dinilai dan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JPSF) untuk perakuan. Keputusan penilaian permohonan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS) untuk kelulusan penawaran kemasukan dan disenaraikan dalam kategori pelajar Program Lintas Bitara.	Sekiranya permohonan pelajar mengikuti Program Lintas Bitara dipersetujui oleh Dekan Fakulti, fakulti perlu membuat makluman kepada IPS berkaitan permohonan pelajar mengikuti Program Lintas Bitara.
<b>CALON PELAJAR / PELAJAR SEDIA ADA</b>		
3.	IPS membuat makluman kepada pelajar berhubung pengesahan pelajar dalam kategori Program Lintas Bitara.	
4.	<p>Dalam tempoh satu (1) semester pengajian dari tempoh percubaan satu (1) tahun Program Lintas Bitara, Fakulti perlu menguruskan pembentangan cadangan penyelidikan (kali pertama) pelajar bagi program sarjana.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jawatankuasa yang terlibat adalah sama dengan Jawatankuasa pembentangan cadangan penyelidikan pelajar sedia ada.</li> <li>ii. Keputusan hasil pembentangan (diperakukan untuk pembentangan kali kedua) perlu dihantar ke IPS untuk tujuan pengemaskinian rekod. Sekiranya keputusan hasil pembentangan tidak diperakukan untuk pembentangan kali kedua, pelajar akan dikeluarkan daripada program Lintas Bitara dan meneruskan pengajian pada tahap Ijazah Sarjana.</li> </ul>	

<b>CALON PELAJAR / PELAJAR SEDIA ADA</b>	
5.	<p>Dalam tempoh percubaan Program Lintas Bitara (selewatnya sebelum semester dua (2) berakhir), Fakulti menguruskan pembentangan dapatan penyelidikan (memperakukan pelajar di naik taraf kepada program Doktor Falsafah). Jawatankuasa pembentangan dapatan penyelidikan pelajar terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Dekan Fakulti atau wakilnya.</li><li>ii. Dua ahli daripada kalangan pakar bidang (seorang pensyarah dari dalam fakulti dan seorang pensyarah dari luar Jabatan/Fakulti/Universiti). [Senat Kali Ke-179 Bil.6/2019 bertarikh 18 Jun 2019] (Pelantikan penilai pembentangan dapatan penyelidikan perlu disahkan dalam JPSF.)</li><li>iii. Penyelia (Penyelia hanya boleh memberi pandangan terhadap permohonan calon tetapi tidak terlibat dalam membuat keputusan).</li></ol> <p>*Wakil IPS boleh dijemput hadir sama ke sesi pembentangan ini.</p>
6.	<p>Laporan penilaian panel penilai dibentangkan di dalam JPSF dan dipanjangkan ke JPS untuk perakuan naik taraf program pengajian pelajar ke Doktor Falsafah.</p>
7.	<p>Laporan penilaian panel penilai dibawa ke Senat untuk kelulusan naik taraf ke Program Doktor Falsafah.</p>
8.	<p>IPS menjana nombor matrik baharu bagi tahap program Doktor Falsafah dan mengeluarkan surat naik taraf status pengajian pelajar ke Program Doktor Falsafah.</p>
9.	<p>IPS membuat memo pelarasan yuran pengajian pelajar kepada Jabatan Bendahari sekiranya kelulusan naik taraf ke Program Doktor Falsafah diterima selepas semester kedua (mengambil kira pelajar telah membuat bayaran yuran pengajian pada semester ketiga dengan kadar yuran pengajian Ijazah Sarjana).</p>